

30 APR 1997

Mahathir-Kongres

MALAYSIA BERADA DI HALUAN BETUL CAPAI WAWASAN 2020

PETALING JAYA, 30 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia berada di haluan yang tepat untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata terdapat keperluan untuk memberi penekanan kepada bidang-bidang tertentu bagi memastikan Wawasan 2020 menjadi lebih bermakna.

"Tidak perlu untuk mengubah arah itu tetapi ada keperluan untuk memberi penekanan kepada bidang-bidang tertentu," katanya pada persidangan berita selepas mengadakan dialog tertutup selama dua jam bersama-sama peserta Kongres Kebangsaan mengenai Wawasan 2020 di Bandar Sunway, dekat sini.

Kongres peringkat tertinggi selama dua hari itu berakhir hari ini dengan pihak penganjur menyerahkan rumusannya kepada Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata cadangan-cadangan yang dibuat oleh kongres itu akan dikaji dengan teliti oleh kerajaan.

Ia akan diterimapakai sebagai satu garis panduan bagi membolehkan negara mencapai Wawasan 2020 tanpa banyak melakukan kesilapan, kata beliau.

Dr Mahathir berkata satu daripada perkara berkaitan yang dikemukakan dalam rumusan itu ialah perlunya penyertaan aktif generasi muda dalam menggerakkan haluan Malaysia ke arah mencapai Wawasan 2020.

"Para belia berpendapat bahawa pandangan mereka tidak diberi perhatian sewajarnya oleh kerajaan dan oleh itu, kita harus memberi mereka lebih banyak peluang untuk menyuarakan pendapat dan penyertaan dalam proses itu," kata beliau.

Perdana Menteri berkata Malaysia akan meneruskan program perindustriannya walaupun terdapat pendekatan ekonomi baru lain yang diambil kerajaan untuk mempercepatkan proses pembangunan itu.

"Kita fikir kita berada di haluan yang betul. Kita telah mengambil perhatian terhadap perubahan persekitaran kita terutamanya era maklumat dan kita mempunyai program sejajarnya untuk membolehkan rakyat memahami perubahan itu dan menyertai era maklumat baru ini," katanya.

Dr Mahathir bersetuju bahawa sesetengah negeri mungkin mencapai Wawasan 2020 lebih awal daripada tahun sasaran berikutan pertumbuhan pesat mereka tetapi ia tidak akan menjejaskan negeri-negeri lain kerana mereka mempunyai masa mencukupi untuk mencapainya.

-- BERNAMA

TEAM NAK AHH